

Ruj. Kami : **ANM.PK.UPA/600-1/1/3(20)**

Tarikh : 20 November 2020

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /  
Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**KELULUSAN KHAS PELUPUSAN ASET HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (HLP) YANG MELIBATKAN TAHUN KEWANGAN BERLAINAN – KESILAPAN PERAKAUNAN**

Dengan hormatnya surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia Putrajaya ruj: JANM/BPOPA.600-1/4/1(14) bertarikh 16 November 2020 beserta surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia Putrajaya ruj: JANM/BPOPA.600-9/1/1(25) bertarikh 13 Februari 2020 adalah dirujuk berkenaan perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan, berdasarkan keputusan Mesyuarat Penyelarasan Operasi dan Polisi Bil. 2/2020, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Putrajaya menyatakan **pelarasan keseluruhan amaun aset HLP kepada belanja di dalam melibatkan tahun kewangan berlainan perlu diperakaunkan melalui Modul Perakaunan Aset, sistem iGFMAS - pelupusan aset secara hapus kira perakaunan (accounting write off) dan dilaksanakan melalui sub-modul pelupusan aset lain-lain di modul perakaunan aset.**

3. Lanjutan daripada itu, tindakan pelarasan bagi situasi ini **tidak sesuai menggunakan tatakara yang dimaklumkan dalam surat JANM/BPOPA.600-9/1/1(25) Pelarasan Perakaunan Aset Yang melibatkan Transaksi Tahun Kewangan Yang Berlainan bertarikh 13 Februari 2020** di mana tatakara tersebut adalah untuk tindakan pelarasan aset melibatkan tahun kewangan yang berlainan bagi item aset di bawah **HLP terlebih / terkurang nyata kepada belanja dan tindakan pelarasan item aset Aset dalam Pembinaan (AUC) kepada belanja.**

4. Sehubungan dengan itu, PTJ hendaklah mendapatkan **kelulusan pelupusan khas yang disahkan oleh Ketua Akauntan Kementerian / Jabatan** yang akan dijadikan dokumen sokongan pelupusan dalam Borang Tindakan Kerja Pelupusan Aset (JANM – AA -6.3.2), Manual Prosedur Kerja iGFMAS – Lampiran Kepada Modul Asset Accounting (AA). Kementerian/Jabatan perlu melaksanakan pelupusan berdasarkan Manual Prosedur Kerja iGFMAS (Modul Asset Accounting): Prosedur Pelupusan Aset (Lain-lain).

5. Bersama ini dilampirkan **Borang Kelulusan Pelupusan Khas (LAMPIRAN A) dan Tatacara Tindakan Pelupusan Khas Aset HLP yang melibatkan tahun kewangan berlainan – kesilapan perakaunan ( LAMPIRAN 1)** pada atau sebelum penutupan akhir tahun 2020. Unit ini ingin menekankan bahawa pelupusan khas item aset HLP disebabkan oleh kesilapan perakaunan ini **hanya boleh dilakukan dalam tempoh pra peralihan sahaja**. Sebarang pertanyaan boleh diemelkan kepada [aset\\_prk@anm.gov.my](mailto:aset_prk@anm.gov.my) dan [zanzila.harun@anm.gov.my](mailto:zanzila.harun@anm.gov.my).

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, teriam kasih

***“Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi”***

**UNIT PENGURUSAN ASET  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**